

HADIAH RARE BUAT PENGANTIN

Teks : Mariam Shukor Foto: Pinterest



Setiap kali menerima kad undangan perkahwinan, pastinya buntu memikirkan hadiah untuk diberikan kepada bakal pengantin. Selain cadar, pinggan mangkuk, bekas menyimpan makanan, jam, seterika, apakah barangan lain yang boleh dijadikan hadiah buat pengantin?

Lilin Beraroma

Pastinya menarik jika lilin beraroma ini diberi sebagai hadiah perkahwinan. Malam pertama dan malam seterusnya untuk pengantin itu pastinya indah. Pelbagai bau dan harganya juga tidaklah terlalu mahal malah ia nampak seperti hadiah yang eksklusif dan sempurna untuk bakal pengantin dengan bau yang menyenangkan.

Pengisar Jus Buah- Buah

Amat berguna untuk pasangan yang baru berkahwin, jika bijak mencari pasti mendapat harga yang murah untuk pengisar jus buah ini. Banyak di dalam jualan talian jika anda sering layari dan membeli barang secara dalam talian. Jika sewaktu promosi harga runtuh lagi menarik. Bukan sahaja boleh beli dekat pengantin dekat kita sendiri pun boleh beli juga.



Tong Sampah dan Tudung Saji

Murah dan tidak cantik tetapi tahukah anda kedua barangan ini menjadi keperluan utama pasangan pengantin. Jangan diberi begitu sahaja, sebaiknya dimasukkan ke dalam kotak dan dibalut dengan cantik dan kemas. Kedua barangan ini pun banyak yang cantik di pasaran termasuk tudung saji anyaman dan tong sampah beraneka warna dan juga berjenama serta kualiti yang baik.

Beg pakaian

Hadiah ini jarang diterima pengantin. Luggage sesuai dijadikan hadiah kepada pasangan pengantin baru sebagai persediaan untuk berbulan madu. Beg ini juga tahan lama dan sangat berguna buat mereka. Harga beg ini bervariasi, tetapi jika anda bijak mendapatkannya ketika promosi memang sangat berbaloi.



Peti Sejuk

Seronoknya kalau dapat peti sejuk lepas kahwin, masuk rumah baru sudah pastinya tidak perlu memikirkan ingin membeli peti sejuk baru. Sememangnya peti sejuk adalah perkakas elektrik paling penting dalam rumah. Seronoknya pengantin yang dapat hadiah ini. Apa kata anda cuba beri hadiah yang tersenarai di atas untuk rakan anda yang ingin berkahwin tidak lama lagi.



Batu Lesung

Mesin pengisar atau blender sudah menjadi hadiah biasa buat pasangan pengantin baru. Blender penting buat para isteri menyediakan hidangan buat suami. Tetapi sesetengah makanan seperti sambal belacan lebih sedap jika bawang, lada serta belacannya ditumbuk dengan batu lesung. Pasangan pengantin tentunya menghargai pemberian anda ini.



Set Bertukang

Bila sudah kahwin mestilah pasangan itu akan berpindah dari rumah bujang ke kediaman baru untuk membina keluarga betul tak? Set bertukang yang dilengkapi dengan spanar, pemutar skru, tukul, pisau tahan lasak, pita pengukur, playar dan lain-lain ni memanglah tersangat sempurna untuk dijadikan bingkisan perkahwinan buat pasangan merpati dua sejoli.

Papan Pemotong & set pisau

Wow! Percayalah hadiah ini paling menjadi pilihan utama untuk pasangan yang baru berkahwin. Mana tidaknya jika baru masuk kerumah baru pasti lupa untuk membeli kelengkapan dapur ini. Kalau belum memasak sepenuhnya, tetapi saat ingin memotong buah dan sebagainya inilah keperluan yang wajib ada.

